

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : HARIAN METRO (Setempat)

TARIKH: 9 OKTOBER 2017

M/S : 68

Syor insentif kurang kos pemaju

Kuala Lumpur: Persatuan Pembeli Rumah Kebangsaan (HBA) mencadangkan insentif khas diberikan kepada pemaju perumahan swasta bagi menangani masalah lambakan pembinaan hartanah melebihi kadar kemampuan rakyat.

Setiausaha Agungnya Chang Kim Loong berkata, insentif berkenaan membantu mengurangkan kos pembinaan yang ditanggung pemaju sekaligus meningkatkan bekalan penyediaan kediaman mampu milik dan kos rendah terutama di kawasan bandar.

"Insentif ini termasuk menawarkan kadar kelulusan segera untuk semua projek perumahan mampu milik serta menyediakan tanah khusus untuk membina projek berkenaan pada harga rendah.

"Ini akan melancarkan proses pemaju dalam membina dan menjual semula hartanah pada kadar berpatutan dengan lebih cepat," katanya kepada Harian Metro.

Sementara itu, Presi-

den Persatuan Perunding Hartanah Muslim Malaysia (Peham) Ishak Ismail berkata, kebanyakan projek mampu milik hanya memberikan kelayakan kepada isi rumah berpendapatan bawah RM3,000 dan ini tidak dapat menyelesaikan masalah pemilikan aset itu kepada rakyat.

"Kami minta supaya had kelayakan itu dinaikkan kepada golongan isi rumah berpendapatan bawah RM6,000.

"Selain itu, bank yang menyediakan khidmat pinjaman kepada pemohon jenis rumah ini juga diperluaskan untuk meningkatkan peluang pemohon mendapat pembiayaan," katanya.

Katanya, pihaknya juga berharap kerajaan menaikkan had kelayakan pengecualian cukai setem daripada pembeli rumah bawah RM300,000 saja kepada RM600,000.

"Langkah ini dapat mengurangkan beban pembeli sekaligus meningkatkan pemilikan rumah," katanya.